

BAB DUA :

PENGAPLIKASIAN SEMANGAT BUSHIDO DI ERA PEMULIHAN MEIJI DAN KE ARAH KEMANTAPAN MILITERISME DI JEPUN

2.0 Pengenalan

Pemerintahan Meiji bermula sejak 1868.¹ Di sinilah bermulanya era Jepun moden iaitu selepas berakhirnya zaman feudal. Dalam konteks negara Jepun ketika itu, moden yang dimaksudkan bukanlah dalam bentuk metarial yang canggih tetapi lebih merupakan kedatangan elemen-elemen baru yang menyusupi susunan sosio-budaya yang tradisional.²

Hakikatnya selepas pembaharuan Meiji, bangsa dan negara Jepun mengalami satu perubahan dari segi sistem pentadbiran, kegiatan ekonomi, sistem ketenteraan, sistem pendidikan dan juga pelbagai infrastruktur telah disediakan. Persoalannya sekarang, apakah yang mendorong perubahan tersebut dan siapakah yang mengubahnya dan kenapa perubahan itu diadakan ? Bagi menjawab persoalan itu, sebenarnya Jepun mempunyai banyak ciri yang sangat berguna bagi kerja-kerja pembinaan negaranya yang kurang diperhatikan oleh bangsa-bangsa lain.

Jepun memiliki sifat budaya yang unik dan inilah yang telah memberikan satu kekuatan sosial kepada masyarakatnya. Semangat *bushido* yang diwarisi dari zaman

keshogunan Tokugawa telah dibawa bersama sebagai satu pendorong ke arah pemulihan negara. Justeru itu, apa yang perlu diperhatikan dalam bab ini adalah semangat *bushido* telah diaplikasikan semasa pemerintahan Meiji dan kemudiannya telah menjadi langkah awal ke arah kemajuan negara Jepun.

Bagi memudahkan tinjauan dibuat untuk mengenalpasti sejauhmanakah pentingnya pengaplikasian semangat *bushido* ini ke arah pemodenan Jepun, maka adalah perlu terlebih dahulu kita meninjau tentang latar belakang pemerintahan Meiji iaitu dari segi pentadbiran seperti pemimpin-pemimpin yang terlibat di dalam menegakkan kerajaan dan pemulihan atau pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh mereka ke atas Jepun.

Dan kemudiannya, kita akan dapat menyusuri tentang kesan pemulihan Meiji itu terhadap perkembangan militerisme di Jepun. Kemantapan terhadap aspek ini telah menjadi penyokong utama untuk Jepun melaksanakan dasar imperialismenya ke atas negara-negara di timur.

Sebenarnya tindakan Jepun sebagai penakluk itu adalah kerana sokongan yang kuat dari *spirit of the old Japan* yang menyatakan bahawa bangsa Jepun adalah bangsa yang dipilih untuk menjadi pemerintah. Justeru itu, mereka memiliki harga diri yang tinggi dan keadaan ini ditambah dengan pegangan yang kuat terhadap semangat *bushido* membolehkan bangsa Jepun melaksanakan cita-citanya dengan bersungguh-sungguh sehingga mencapai kemenangan dalam setiap peperangan yang ditempuhinya dan berjaya

menakluki negara-negara di Asia Tenggara daripada penjajah barat dalam jangkamasa yang singkat semasa Perang Dunia Kedua.

2.1 Penyerahan Kuasa Kepada Maharaja Meiji Sebagai Satu Manifestasi Dari Semangat *Bushido*

Kerajaan Meiji menggantikan pemerintah terakhir zaman keshogunan Tokugawa iaitu Keiki yang telah dipaksa untuk meletakkan jawatan.³ Keshogunan Tokugawa yang berjaya mengekalkan pentadbiran selama 250 tahun di Jepun sejak 1600 terpaksa akur pada kehendak peredaran zaman.

Walaupun di era pentadbiran keshogunan Tokugawa, Jepun mengecapi keamanan dan kesejahteraan di dalam lingkungan negara Jepun sendiri melalui “dasar tutup pintunya”, namun perkembangan arus intelek di dalam negara dan kedatangan barat serta desakan oleh golongan yang begitu menginginkan perubahan ke arah sistem pentadbiran yang lebih baik, telah mengganggu-gugat keteguhan pentadbiran keshogunan Tokugawa yang telah lama bertahan itu.

Pada 24 Oktober 1867, berlaku penyerahan kuasa kerajaan Jepun kepada pemerintah Meiji. Ini bermakna secara langsung telah membawa kepada kejatuhan feudalisme yang telah tertanam selama berabad-abad lamanya di Jepun. “Meiji” bermaksud kerajaan yang sedar. Oleh itu, kenaikan pemerintah Meiji adalah juga disebabkan oleh kesedaran yang tinggi di kalangan para pemimpin khususnya pemimpin

muda yang begitu menginginkan sebuah negara yang maju di bawah kuasa maharaja. Justeru itu, adalah perlu untuk kita mengetahui peristiwa dan faktor ke arah penyerahan pemerintahan Jepun kepada Meiji.

Kelemahan keshogunan Tokugawa di pertengahan abad ke 19 adalah berpunca dari kelemahan sistem pentadbiran di bawah ikatan feudalisme. Keadaan ini telah mengakibatkan berlakunya perpecahan kelas di kalangan samurai dan seterusnya berlaku pula kebangkitan golongan samurai kelas rendah, para petani dan golongan peniaga yang kaya dari Osaka dan Tokyo untuk menentang kerajaan bakufu.

2.1.1 Perpecahan Di Dalam Kelas Samurai

Shogun telah mengenakan sekatan tidak langsung ke atas ketiga-tiga pulau yang besar iaitu Honshu, Kyushu dan Shikoku. Ieyasu menubuhkan diktator tentera berdasarkan warisan dan mengekalkan kuasa politiknya dengan cara mengasingkan pentadbiran kerajaan dengan pihak istana. Shogun mempunyai sebuah pusat pemerintahan yang tersendiri, manakala maharaja dan istana pula diputuskan dari semua kuasa kecuali adat dan istiadat sahaja.

Di bawah pentadbiran shogun, masyarakat dibekukan ke dalam sebuah hirarki dimana setiap kelas sosial ada peraturan sendiri di dalam kehidupan mereka untuk membezakan dari kelas sosial yang lain. Shogun Tokugawa menunjukkan satu penghormatan yang paling sensitif terhadap falsafah hidup

feudal berbanding keperluan dan minat. Melalui pentadbiran Bakufu, shogun dapat mengekalkan kedudukan dengan sistem kawalan yang cekap di kalangan *Daimyo*, *Samurai* dan petani. Justeru itu terdapat pembahagian kelas iaitu *Chi-Ne-Ke-Sho* (Pahlawan, Petani, petukang dan saudagar).⁴

Pada zaman awal feudalisme, samurai adalah juga adalah petani. Samurai ini hanya akan berperang apabila perkhidmatan mereka diperlukan oleh tuan-tuan tanah untuk menentang pihak tuan tanah yang lain. Namun, revolusi ketenteraan berlaku pada pertengahan abad ke 19 dan golongan samurai telah dihimpunkan di bandar-bandar istana (*Jokamachi*). Mereka telah diberi keistimewaan menggunakan pedang untuk mengawal keamanan negara.⁵

Gambar 2.0 : Petempatan Samurai Berhampiran Dengan Istana Himeji.



Sumber : Michio Fujioka, Japanese Castles, (terj) John Brentnall,
Hoikusha Publishing Co., Ltd, 1968, hlm. 46

Samurai juga adalah kelas yang paling berpendidikan di dalam sistem sosial shogun Tokugawa kerana *bakufu* telah mendirikan lebih 60 ribu sekolah *Terakoya* (sekolah *samurai*) untuk anak-anak *samurai*. Sebahagian dari *samurai* muda yang berpendidikan pula telah memegang jawatan di dalam birokrasi Tokugawa ataupun di daerah-daerah (*han*) serta dalam institusi kerajaan di Edo. Di sekolah-sekolah *Terakoya*, anak-anak *samurai* diajar tentang prinsip-prinsip kepahlawanan, ciri-ciri pembentukan etika serta moral yang penting untuk dimanfaatkan dalam kehidupan harian mereka.

Dengan ini, *samurai* telah terpisah dengan aktiviti pengeluaran dan terus berkhidmat sebagai pahlawan. Tambahan pula pada 1857, Hideyoshi telah melakukan penyiasatan dan menghalang petani menggunakan pedang bagi mengelakkan berlakunya pemberontakan.⁶ Keadaan ini mewujudkan perbezaan kelas diantara *samurai* dan petani.

Walaupun begitu, zaman keshogunan Tokugawa yang aman dan damai telah menenggelamkan fungsi *samurai* sebagai pahlawan. Justeru itu, mereka dianggap sebagai kelas penumpang dan tidak diperlukan. Akibatnya *samurai* menjadi miskin, tambahan pula beras yang mereka perolehi sebagai upah kerap dikurangkan oleh Daimyo yang turut mengalami masalah kewangan akibat kesan dari sistem *Sankin Kotai*.

Tekanan yang hebat dalam ikatan di bawah feudalisme telah menyebabkan samurai memutuskan hubungan dengan tuan mereka dan menjadi *ronin* (orang kembara).⁷ Menurut kajian oleh Martin Ramming dalam bukunya *Der Ddeutchen Gesellschaft für Natur-Und Volkerkunde Ostasiens* pada 1928 menjelaskan bahawa :

“ Pendapatan hitung panjang setahun bagi seorang samurai kelas pertengahan adalah 100 Koku (sama dengan pendapatan seorang petani yang kaya), kesempitan wang mendesak Daimyo mengurangkan sumbangan kepada samurai dan menyebabkan kehidupan samurai bertambah teruk kerana tidak mempunyai hasil untuk membayar hambanya secara penuh dan samurai menganggap tuan mereka sebagai musuh.”⁸

Kebanyakan *ronin* tinggal di bandar dan mempelajaran bahasa dan teknologi barat. Golongan inilah yang kemudiannya menjadi peneroka Jepun kepada dunia luar. Pada peringkat ini, kelihatan telah berlaku perpecahan kelas golongan *samurai* iaitu golongan yang masih setia dan tinggal di bandar-bandar istana adalah *samurai* kelas atasan yang setia kepada shogun, manakala *samurai* yang menjadi *ronin* adalah kelas bawahan. Perlu ditegas bahawa, kedua-dua kelas *samurai* ini masih lagi memegang prinsip *bushido*. Walaupun *samurai* kelas rendah telah hilang kesetiaan terhadap tuan-tuan feudal tetapi sebenarnya golongan ini telah mendapat kesedaran bahawa mereka seharusnya hanya perlu setia kepada maharaja dan bukannya shogun yang dianggap sebagai perampas kuasa.

2.1.2 Penentangan Terhadap Bakufu Akibat Kelemahan Dalam Pentadbiran Di Bawah Ikatan Feudalisme.

Golongan saudagar atau *chonin*, dianggap sebagai kelas yang paling tidak disukai kerana mereka mendapatkan hasil pendapatan melalui perniagaan yang dianggap hina.⁹ Golongan petani dan samurai pula adalah kelas yang lebih tinggi kerana mereka bekerja keras dan bertani untuk mendapatkan pendapatan. Walaupun begitu, hakikatnya golongan saudagar atau dikenali dengan panggilan *Chonin* ini adalah golongan yang lebih kaya dan mendapat keuntungan yang tinggi daripada perniagaan mereka.

Ekonomi kewangan lebih bernilai berbanding dengan ekonomi padi. Melalui pengeluaran petani yang tinggi akan menyumbang ke arah pertumbuhan perniagaan. Akibatnya sistem perbandaran bertambah baik dan peniaga membentuk satu monopoli jualan (*tonya*) yang akan dibayar kepada kerajaan dengan bayaran khas (*unjo*)¹⁰.

Golongan peniagaan kemudiannya dapat menguasai masyarakat feudal terutamanya golongan samurai yang menjadi *ronin* dan juga para *daimyo*. Akhirnya golongan ini turut sama menceburkan diri di dalam urusan perniagaan untuk memperolehi kekayaan.

Pada 1850-an, kuasa sebenar masyarakat feudal beralih kepada pihak *chonin* yang telah memonopoli ekonomi negara. Keadaan ini menyebabkan kuasa

pemerintah mulai merosot. Akibat polisi yang tidak selaras menyebabkan shogun mengalami masalah kewangan yang serius sehingga terpaksa menaikkan kadar cukai kepada para petani.

Samurai pula telah kehilangan peranan sebagai pahlawan juga mengalami masalah bebanan hutang yang banyak. Keadaan ini disebabkan oleh pendapat yang kurang daripada tuan tanah menyebabkan mereka terpaksa meminjam daripada *chonin* bagi membayar wang kepada petani. Justeru itu, golongan samurai dan para petani telah mengalami masalah ekonomi yang teruk kerana mereka terpaksa menanggung segala beban kewangan dari kerajaan *Bakufu*.

Akhirnya para petani telah mencetuskan rusuhan bagi membantah tindakan shogun dalam menyelesaikan masalah kewangan negara. Pemberontakan dilakukan pada 1764 di Kosuke, Musashi, Iwaki, Kaminayama dan Kuruma. Di sebalik tindakan para petani itu, telah memperlihatkan bahawa shogun telah hilang keupayaan untuk mengawal sistem pentadbiran negara melalui ikatan feudalisme.

Penggulingan bakufu dilakukan oleh golongan yang anti-Tokugawa iaitu oleh samurai kelas rendah yang menjadi *ronin* dan juga golongan bangsawan kaya dari Osaka dan Kyoto. Samurai kelas rendah telah beransur-ansur menguasai kelas samurai dan tuan-tuan feudal. Mereka telah melakukan banyak pemberontakan dan menghapuskan pengaruh shogun.

Pengguling tidak dilakukan hanya dengan senjata dan semangat malahan memerlukan sokongan kewangan yang banyak. Justeru itu, golongan saudagar atau *chonin* telah menanggung pembiayaan bagi menegakkan kerajaan yang baru. Menurut Prof. Honjo berdasarkan kepada rekod rasmi keluarga Mitsui, pinjaman untuk gerakan tentera imperial sebahagian besar dibiayai oleh keluarga Mitsui.¹¹

Berhubung dengan kenyataan di atas, nyata bahawa penggulingan bakufu dan penyerahan kuasa kepada Meiji adalah hasil usaha golongan samurai kelas rendah yang pernah menjadi *ronin*, golongan saudagar atau *chonin* dan juga golongan bangsawan yang kaya.

Selain dari itu, pada 1853 komonter Perry telah datang ke Jepun membawa ancaman bahawa Amerika Syarikat akan menyerang Jepun seandainya Jepun tidak mengubah dasar luarnya. Menurut kajian oleh Kusaka Genzui (1840-64) dalam karyanya *Hensui Ryaku Shi Biko*, berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Belanda tentang peperangan Inggeris terhadap China. Karya ini dibincangkan pula oleh Profesor Tsuchiya dalam bukunya *Bakumatsu Shinshi no Mita Shina Mondai* (Masalah China seperti yang dilihat oleh penyokong taat setia di akhir pemerintahan Bakufu) telah menjelaskan bahawa :

“ Golongan intelektual Jepun telah mendesak Jepun menguasai teknik ketenteraan barat supaya dapat mengelakkan nasib yang diterima oleh negeri China.”¹²

Kenyataan di atas adalah merupakan satu kritikan terhadap pentadbiran Shogun. Ia bermaksud, Jepun perlu mengubah dasarnya dan menamatkan pemencilan kuasa dan jika Jepun tidak memodenkan aspek ketenteraan dan kenegaraan sebagaimana barat maka Jepun akan mudah ditewaskan oleh pihak barat sebagaimana yang telah dilakukan oleh barat ke atas negara China.

Seshubungan dengan itu, pada 31 Mac 1854, Jepun telah menamatkan dasar isolasinya melalui Perjanjian Kanagawa dengan Amerika Syarikat. Penamatkan dasar isolasi dan kekacauan dalam negara telah membawa petanda bahawa keshogunan Tokugawa sedang diambang kehancuran.

Pada 1866 pula, Shogun Iemoshi telah meninggal dunia dan digantikan dengan shogun Keiki. Pada 1867, Maharaja Komei mangkat dan digantikan dengan Meiji. Justeru itu, shogun Keiki telah dipaksa oleh pemimpin muda suku barat keluarga *samurai* iaitu Satsuma, Choshu, Toza dan Hizen untuk menyerahkan pentadbiran kerajaan kepada maharaja Meiji.

Dari itu, kenaikan Meiji sebagai pentadbir di Jepun memperlihatkan dua perubahan penting iaitu kuasa imperial tidak lagi di bawah *bakufu* dan yang keduanya, kerajaan pusat tidak lagi di bawah pengaruh samurai kelas atas tetapi bertukar kepada samurai kelas rendah. Kemuncak penentangan antara samurai kelas atas dan rendah ialah dengan berlakunya pemberontakan oleh Saigo Takamori pada 1877.

Saigo Takamura bersama dengan 40 ribu pengikut telah melakukan pemberontakan menentang penghapusan kelas samurai sebagaimana yang telah ditetapkan oleh oligarki Meiji. Walaupun begitu, pemberontakan berjaya dihapuskan. Dengan itu, berakhirlah kuasa golongan samurai kelas atasan ke atas sistem pentadbiran pusat di Jepun.

Penyerahan kerajaan Jepun kepada Meiji adalah merupakan satu perkara penting. Di sinilah kelihatanya peranan semangat *bushido*. Berdasarkan kepada prinsip *bushido* yang menganggungkan ketaatan kepada ketua telah menyebabkan golongan samurai khususnya samurai kelas bawahan memaksa shogun untuk meletakkan jawatan dan memberi kuasa sepenuhnya kepada maharaja iaitu ketua negara Jepun.

Keadaan ini juga tercetus daripada pendidikan samurai (sekolah *Terakoya*) semasa zaman keshogunan Tokugawa yang begitu menekankan ajaran Confucius iaitu taat kepada maharaja dan negara. Di bawah sistem feudalisme, ajaran tersebut telah diterima kukuh dalam jiwa setiap samurai. Yamagata Daini adalah guru sains ketenteraan yang membawa doktrin pemerintahan Diraja. Beliau telah membawa bibit kesedaran ke arah ketaatan sebenar adalah terhadap maharaja dan bukannya kepada shogun. Meskipun Yamagata telah dihukum bunuh, namun doktrinnya telah tersebar meluas di kalangan samurai muda. Justeru itu, apabila kewibawaan shogun sebagai ketua negara tergugat, maka golongan samurai ini

merasa bertanggungjawab untuk berbalik kepada ketua negara yang sebenar iaitu maharaja.

Samurai Okubo, Kido, Saigo dan lain-lain telah mendapat sokongan bangsawan dari Kyoto untuk menentang shogun Tokogawa dengan slogan “*Sonno Joi*” (menjunjung maharaja, mengusir orang Gasar)¹³

Berdasarkan pegangan terhadap slogan *Sonno Joi*, maka golongan saudagar dan samurai kelas bawahan tidak membentuk kerajaan sendiri meskipun mereka telah menguasai ekonomi negara dan mempunyai kedudukan yang mantap sebaliknya menyerahkan kerajaan Jepun kepada maharaja Meiji sebagai kuasa tertinggi di Jepun.

Walaupun begitu, golongan samurai bawahan ini telah turut memainkan peranan penting di dalam pentadbiran negara Jepun sehingga membawa ke arah sebuah negara yang moden. Yang pastinya, segala tindakan mereka adalah juga digerakkan oleh satu semangat yang masih wujud iaitu *bushido*. Bagi mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci, adalah lebih baik jika kita meninjau tentang corak pentadbiran di era Meiji dimana telah menjadi manifestasi ke arah pengamalan semangat *bushido*.

2.2 Pengaplikasian Semangat Bushido Telah Mendorong Ke Arah Kejayaan Perlaksanaan Pembaharuan Ke Atas Jepun

2.2.1 Pentadbiran

Penyerahan kerajaan Jepun kepada Meiji adalah satu era baru dalam sejarah Jepun di mana kuasa maharaja telah dikembalikan semula. Ini bermakna, maharaja menjadi kuasa tertinggi di dalam negara. Jawatan shogun iaitu sebagai pentadbir Jepun yang tertinggi di bawah sistem feudal telah dihapuskan sama sekali.

Satu badan penasihat raja dibentuk iaitu dikenali sebagai “*Satcho-Hito*”. *Satcho-Hito* dianggotai oleh golongan samurai muda kelas rendah dari suku Satsuma, Choshu, Toza dan Hizen yang dikenali sebagai oligarki Meiji. Mereka adalah diantara golongan muda yang agresif, telah memperolehi pendedahan tentang pengetahuan , sains dan teknologi barat.¹⁴ Antara tokoh yang cekap ialah seperti Kido Takayoshi, Okubo Toshimichi, Inauye Kaoru, Shimazu Hisamazu Hisamitsu (suku Satsuma), Mori Motonori (suku Choshu) dan Yamanouchi Yodo (Suku Tosa).

Oligarki Meiji sedar tentang perlunya Jepun bersaing dengan barat kerana kuasa barat mungkin akan menjadi ancaman kepada Jepun seadainya Jepun tidak

mencapai kemajuan negara. Aizawa Hakumin (1782-1863) dalam karyanya *Shinron*, telah membuat satu tanggapan tentang situasi antarabangsa dengan tepat.

Menurutnya :

*"Rusia akan menjadi pengancam yang besar dan akan melaksanakan dasar perluasan daerahnya. Sekiranya China kuat, maka Rusia akan memasuki Jepun melalui Saghalien dan Yezo dan menggunakan Jepun sebagai tapak menyerang China. Sekiranya China lemah, Rusia akan memasuki China utara dan dari sana akan menyerang Jepun."*¹⁵

Melalui kenyataan di atas, jelas memperlihatkan bahawa Jepun perlu memajukan negaranya dari pelbagai aspek termasuk ketenteraan untuk mengelakkan menguasaan ataupun ancaman oleh kuasa lain. Justeru itu, Oligarki Meiji telah melaksanakan dasar *Fukoku Kyohei* (Kemajuan industri dan kekuatan ketenteraan)¹⁶.

Pemimpin Meiji sedar bahawa Jepun akan disegani jika memiliki pasukan tentera yang kuat. Untuk itu, pastinya akan memerlukan modal yang banyak dan ia hanya akan diperolehi melalui ekonomi yang stabil melalui inisiatif untuk menjadikan Jepun sebagai sebuah negara industri setanding dengan kemajuan di barat. Dalam usaha ini, memerlukan pemulihan dari segi dasar politik, ekonomi, pendidikan dan komunikasi dan sebagainya.

2.2.2 Pemulihan dan Pemodenan

Pemulihan ke atas negara Jepun secara keseluruhannya adalah datangnya daripada idea-idea Oligarki Meiji yang menganggotai Satcho-Hito. Seperti yang telah diterangkan dalam bahagian yang lepas, mereka adalah terdiri daripada samurai muda kelas rendah yang terlibat di dalam pengguling kerajaan baku semasa keshogunan Tokugawa. Justeru itu, mereka inilah yang telah membawa semangat *bushido* ke dalam pemerintahan Meiji.

Untuk mengambil alih dan memulihkan sebuah kerajaan bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan. Tambahan pula, kerajaan yang mereka warisi adalah rentetan daripada kejatuhan sistem feudal yang telah bertapak kukuh di Jepun. Walaupun begitu, berdasarkan kepada prinsip dari semangat *bushido* iaitu kesanggupan menanggung risiko, kesungguhan mencapai cita-cita, dan kesediaan berkorban demi melaksanakan tanggungjawab terhadap ketua dan negara telah menyebabkan mereka berusaha bersungguh-sungguh merangka dan melaksanakan pelbagai perubahan dari segala aspek kehidupan seluruh rakyat Jepun.

Kerajaan yang baru ini telah berikrar untuk membentuk sebuah kerajaan berdasarkan demokrasi berparlimen, menggalakkan dan meluaskan bidang pelajaran, menghapuskan adat lama yang menghalang kemajuan dan ingin menyamatarafkan masyarakat agar mereka bersatu dan berpadu dalam membentuk sebuah negara yang moden.¹⁷

Dalam melaksanakan tanggungjawab yang seberat itu, hanya golongan yang tegas, berdisiplin dan bersemangat tinggi sahaja yang boleh melaksanakannya. Buktinya, sejarah telah mencatatkan bahawa, negara Jepun yang maju hari ini adalah rentetan daripada segala pembaharuan yang telah dilaksanakan semasa zaman Meiji sehingga setiap orang yang ingin membincangkan tentang negara Jepun, tidak akan lengkap tanpa meninjau sejarah pemulihian Jepun semasa zaman Meiji.

a. Pemulihan Politik Dan Sosial

Langkah utama yang dilakukan oleh Oligarki adalah untuk memodenkan Jepun melalui perpaduan rakyat iaitu dengan menghapuskan sistem feudal. Mereka telah berjaya mempengaruhi Daimyo dari suku barat seperti Satsuma, Choshu, Toza dan Hizen untuk menyerahkan tanah kepada Maharaja. Sehubungan dengan itu, pada 1871, Maharaja Meiji telah mengumumkan penghapusan semua tanah Feudal di Jepun.

Dengan berakhirnya sistem feudal pada 1871, maka berakhirlah juga susunan kelas di zaman keshogunan Tokugawa iaitu *Chi-Ne-Ke-Sho*. Pada Mac 1876, samurai telah kehilangan hak menggunakan pedang¹⁸ dan hilang hak sebagai pahlawan.¹⁹ Sistem kerakyatan sama rata diamalkan dan setiap orang dikenali sebagai rakyat Jepun yang bebas. Setiap individu

boleh memilih pekerja yang mereka gemari, mendapat pendidikan sama rata dan mempunyai hak yang sama di sisi undang-undang.

Setiap rakyat Jepun diikat dengan satu ideologi iaitu kokutai (setia kepada raja dan negara).²⁰ Dengan ini, setiap individu mempunyai semangat nasionalisme terhadap negara dan bangsa mereka terutamanya prinsip kepatuhan terhadap maharaja sebagai ketua negara. Agama Shinto telah diperkuuhkan sebagai agama rasmi.

Terdapat dua cara orang Jepun melahirkan rasa taat setia kepada Shintoisme iaitu dengan melakukan upacara ibadat dan yang keduanya dengan cara menunjukkan taat setia kepada Maharaja.²¹ Mengikut kepercayaan mereka, orang Jepun adalah bangsa yang dipilih oleh Amterasu kerana merupakan bangsa yang terbijak dan terbaik di dunia dengan diwakili oleh ketua mereka iaitu maharaja. Dengan cara ini, dapat mewujudkan satu nilai nasionalisme dan patriotisme yang tinggi terhadap negara Jepun.

Dari segi pentadbiran pula, dasar yang diamalkan adalah lebih liberal. Pada 1881 muncul parti politik Jiyuto (liberal) dan pada 1882, parti Kaishinto (Progresif). Walupun begitu, kegiatan parti agak terhad kerana berada di bawah kawalan kerajaan.²² Pada 11 Feb 1889, atas desakan parti politik, perlembagaan Meiji diumumkan. Keadaan ini adalah

peringkat awal dalam membentuk sebuah negara yang demokrasi. Kemudian pada 1890, pilihanraya diadakan dan hanya 9.2% daripada rakyat Jepun yang layak mengundi. Oleh kerana Oligarki berpengaruh di dalam kabinet, maka parti yang menang masih tidak mampu untuk membentuk sebuah kerajaan sendiri.²³

Selain dari itu, golongan oligarki amat memberi keutamaan kepada pendidikan rakyat Jepun kerana mereka sedar, untuk melahirkan sebuah negara yang maju maka memerlukan masyarakat yang berpengetahuan. Seorang pengarang Jepun iaitu Seiya Munakata menegaskan bahawa : “learning is the capital with which one risen in the world”

Sehubungan dengan itu, pada 1871, kerajaan menubuahkan kementerian pendidikan (monbusho) dengan slogan *Bunmei-Kaika* (pendidikan kepada semua rakyat). Kesannya menjelang 1880 hingga 1888, banyak sekolah rendah, menengah dan universiti ditubuhkan. Contohnya Universiti Di raja Tokyo pada 1886.

Di dalam sistem pendidikan juga dilaksanakan pendidikan moral berdasarkan kepada falsafah confucius untuk melahirkan bangsa yang beretika, saling menghormati, bersopan dan patuh kepada ketua. Selain dari itu, mereka juga memiliki sifat ingin tahu dan daya keintelektual yang tinggi. Keadaan ini ditambah pula dengan sifat semulajadi bangsa

Jepun yang mudah mempelajari sesuatu yang asing untuk faedah budaya mereka.

Kerajaan juga telah mengimport beberapa orang asing untuk berkhidmat di dalam jabatan pendidikan. Contohnya seperti, David Murray dari Amerika Syarikat yang bertugas sebagai penasihat pelajaran di Jepun. Dengan ini dapat membentuk satu sistem pendidikan yang teratur dan baik setanding barat. Dengan adanya sistem pendidikan yang baik dan sempurna maka dapat melahirkan golongan yang berilmu dan berkualiti di dalam menjana pembangunan negara.

b. Pemulihan Ekonomi

Melaksanakan tanggungjawab di dalam pemulihan ekonomi adalah termasuk di dalam slogan kerajaan Meiji iaitu *Fukoku Kyohei*. Oligarki sedar, kemajuan barat adalah kerana penguasaan mereka di dalam ekonomi bercorak industri sejak dari abad ke 17 lagi. Memandangkan Jepun adalah sebuah negara pertanian ketika itu kerana 60-80% pendapatan negara adalah dari sumbangan sektor pertanian, maka langkah awal adalah memajukan sektor berkenaan.²⁴ Antara yang dilaksanakan ialah memperkenalkan penggunaan benih baru, memperbaiki sistem saliran, penggunaan baja kimia dan sebagainya.

Kemudiannya kerajaan melancarkan dasar *Shokusan Kogyo* (memajukan industri) dengan menggalakkan usaha yang berpusat kepada penyatuan sistem bank, rangkaian keretapi, perkhidmatan pos dan kemudahan pinjaman alat serta dana. Pada 1871, kerajaan mengadakan sistem matawang yang moden iaitu yen. Dengan adanya sistem matawang ini, membantu di dalam penubuhan sistem perbankan yang mampu memberi pinjaman yang tinggi kepada usahawan.

Tambahan masyarakat Jepun memiliki semangat yang tinggi, kesungguhan serta keberanian di dalam menghadapi risiko. Justeru itu, mereka telah melaborkan wang yang banyak di dalam membina sesebuah perniagaan. Justeru itu telah mewujudkan banyak usahawan yang berjaya dan terkenal. Antaranya ialah seperti Eiichi Shibusawa dan Yukichi Fukuzawa. Seperkara yang perlu diingat ialah, golongan usahawan di Jepun biasanya adalah terdiri daripada golongan suku samurai yang kaya seperti dari keluarga Mitsui. Golongan ini telah memulakan perniagaan sejak zaman keshogunan Tokugawa lagi dan kemudiannya di zaman Meiji mereka telah membentuk satu gabungan usahawan yang dikenali sebagai zaibatsu.

Selain dari itu, Jepun juga telah membuka ekonomi kepada dunia luar dengan wawasan ekonominya berdasarkan cogankata “*Watan Yohsai*” (Semangat Jepun, teknologi barat). Segala idea, teknologi dan

ilmu pengetahuan barat telah digunakan dalam membangunkan ekonomi Jepun. Beberapa pakar dalam bidang ekonomi dan industri dari barat telah diimport ke Jepun. Antaranya ialah seperti William Kinder (Inggeris), Alland Shand (Amerika) dan Henry Dyer yang bertugas untuk memberi khidmat nasihat dalam bidang perindustrian di Jepun.

Dasar penswastaan telah dilaksanakan oleh kerajaan iaitu dengan menyerahkan industri-industri milik kerajaan kepada golongan zaibatsu untuk dimajukan. Kelihatan, kerajaan Meiji telah membantu dalam meletakkan asas yang kukuh dalam mempercepatkan ekonomi kapitalisme di Jepun. Golongan zaibatsu ini kebanyakannya memiliki bank swasta yang menjadi sumber modal negara dan akhirnya menjadi entiti ekonomi raksasa dengan naungan oligarki Meiji.²⁵

2.3 Pemantapan Aspek Militerisme Sebagai Matlamat Utama Golongan Oligarki Meiji

Oligarki Meiji masih memiliki jiwa kepahlawanan. Mereka amat menyukai bidang ketenteraan dan percaya bahawa untuk menjadikan sebuah negara yang kuat dan bermaruah hanyalah melalui pengukuhan terhadap sistem ketenteraan.

Persediaan dalam militeri amat penting bagi persediaan untuk menyaingi barat. Segala dasar pembangunan negara dilaksanakan bagi menjadikan Jepun sebagai sebuah

negara industri. Oleh itu, dengan hasil negara yang kaya, maka dapat membangunkan aspek militerinya.

Langkah awal yang dilaksanakan ialah dengan membubarkan tentera feudal yang terdiri daripada *samurai*. Setiap daimyo telah menyerahkan tanah kepada maharaja dan dengan itu, secara tidak langsung mereka tidak lagi memerlukan perkhidmatan dari golongan *samurai* sebagai tentera peribadi untuk mengawasi ladang-ladang mereka.

Walaupun begitu, kebanyakan daripada golongan *samurai* ini telah berjaya menyerapkan diri ke dalam profesion ketenteraan yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan. Mereka ini adalah pewarisi segala prinsip *bushido*, namun pengamalannya sudah berbeza iaitu dengan pegangan terhadap semangat *bushido* dan sistem latihan ketenteraan yang moden.

Kerajaan juga telah memodenkan angkatan ketenteraan laut dan darat. Pada 1895 terdapat 78 ribu tentera terlatih di Jepun. Kerajaan telah membawa kepakaran dalam militerisme barat ke Jepun. Contohnya pada 1870, Yamagata Aritomo telah pergi ke Eropah untuk mempelajari sistem tentera Perancis. Seorang pelatih tentera dari barat telah diimport ke Jepun iaitu Du Bousquet telah banyak menyumbang ke dalam memberi khidmat nasihat berkenaan persediaan militeri Jepun dan selok- belok peperangan.

Persoalannya sekarang, pemantapan dalam sistem militeri di Jepun tidak terhenti setakat dengan pencapaian yang baik di dalam bidang latihan dan pemilikan senjata yang

lebih baik malah ia telah mengheret Jepun ke arena penaklukan atau imperialisme secara langsung.

2.4 Imperialisme Sebagai Satu Manifestasi Dari Semangat Bushido

Dalam mengupas tentang perkaitan semangat *bushido* yang tersirat di sebalik imperialisme Jepun, maka ia memerlukan penelitian yang agak terperinci. Seperti yang telah dijelaskan tadi, dengan adanya semangat *bushido* yang kuat di kalangan oligarki Meiji, maka pemodenan dan pemulihan dari pelbagai aspek telah dapat dilaksanakan termasuklah dalam bidang ekonomi dan militerisme. Sebenarnya dua aspek inilah yang telah mengheret Jepun ke arah dasar penaklukannya ke atas negara jiran seperti Korea dan Manchuria serta negara-negara di Asia Tenggara.

Jepun adalah sebuah negara kepulauan yang begitu terhad dengan sumber bahan mentah. Pemodenan negara ke arah perindustrian, pastinya memerlukan sumbangan bahan mentah yang banyak sebagai sumber kepada industri pembuatan terutamanya bahan bakar dan bahan mentah. Juga keperluan untuk memasarkan barang siap memandangkan pasaran di Jepun juga amat terhad jika dibandingkan dengan keluasan pasaran di Eropah.

Jepun tidak mempunyai cara lain untuk mendapatkan sumber bahan mentah dan pasaran kecuali melalui negara-negara yang hampir dan kaya dengan keperluannya iaitu Korea dan China. Justeru itu, secara tidak langsung, Jepun terpaksa melaksanakan dasar

penaklukannya ke atas negara berkenaan. Tambahan pula, Jepun telah memiliki pasukan militeri yang bersemangat waja, berdisiplin dan memiliki latihan yang mencukupi.

Kejayaan dasar imperialisme di Jepun, adalah juga dari pegangan yang kuat terhadap semangat *bushido*. Mengalahkan dan menakluk negara lain adalah merupakan satu kebanggaan bagi pahlawan Jepun. Di dalam prinsip *bushido*, semakin luas kawasan takluk seseorang samurai maka bererti semakin tinggi darjatnya sebagai seorang pahlawan.

Kebanyakan pemimpin tentera Jepun juga ingin menguji kekuatan pasukan militeri yang telah dibentuk. Oleh itu, mereka telah mendesak maharaja untuk melancarkan serangan ke negara-negara luar. Pemimpin-pemimpin ini percaya bahawa hanya melalui penguasaan yang luas oleh Jepun, maka akan dapat meningkatkan imej dan kekuasaan maharaja.

Segala faktor di atas telah mengheret Jepun ke kancah peperangan pada penghujung abad ke 19 iaitu seperti perang Sino-Jepun (1894-95), perang Rusio-Jepun (1904-05), Perang Manchuria dan kemudiannya perang Dunia kedua di Asia Tenggara.

Dalam menilai tentang kejayaan Jepun di dalam peperangan yang ditempuhinya, sememangnya amat mengagumkan. Jepun berjaya mengalahkan negara China yang telah mendahului tamadunnya lebih kurang 1000 tahun lebih awal. Begitu juga dengan kemenangannya yang amat besar iaitu mengalahkan Rusia yang amat disegani oleh pihak

barat sendiri. Kejayaan demi kejayaan dalam peperangan telah membawa kepada penaklukan Jepun ke atas negara-negara berkenaan.

Namun disebalik tindakan Jepun itu, sebenarnya telah didorong oleh satu sikap nasionalisme yang tinggi ke atas maharaja dan negara. Menurut kepercayaan Shinto, bangsa Jepun adalah bangsa yang dipilih oleh Amterasu. Justeru itu, mereka memiliki daya harga diri yang tinggi dan kepercayaan yang kuat terhadap kebolehan bangsa mereka. Keadaan inilah yang telah menjadi nadi penggerak ke arah kejayaan Jepun di arena penaklukan. Mereka percaya, apa yang dilakukan adalah yang sebenarnya yang dituntut ke atas mereka.

Semasa pemulihan Meiji, ideologi *Kokutai* telah diketengahkan bagi melahirkan semangat nasionalisme yang tinggi. Justeru itu, bangsa Jepun membentuk kesepaduan dalam menentang bangsa-bangsa lain dan akhirnya mencapai kemenangan. Tambahan pula, militeri Jepun adalah terdiri daripada bekas-bekas samurai yang telah dibentuk dengan kod-kod *bushido* iaitu seperti kesanggupan berkurban dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan demi untuk maharaja iaitu ketua mereka. Semangat sebeginilah yang menjadi pemangkin ke arah pergerakan militerisme Jepun.

Kesannya, Manchuria telah dikuasai oleh Jepun pada Mac 1932. Dan Jepun telah menawan Beijing, Cantong, Shanghai dan Naking di China. Strategi imperialisme Jepun adalah ingin menakluki koloni-koloni sebelum ia di rampas oleh sekutu utamanya iaitu Jerman dan ingin mengelakkan kawasan berkenaan jatuh ke tangan Amerika Syarikat.

(Sila rujuk lampiran peta 2) Justeru itu, Jepun telah melancarkan pencerobohan tentera dan dasar ekonomi yang digabungkan sekali bagi memenuhi cita-citanya untuk mewujudkan satu kawasan “kemewahan bersama” di Asia Timur dan Asia Tenggara.

Penaklukan dan pendudukan Jepun di Asia Tenggara telah membuktikan kewibawaan militeri Jepun menentang barat. Walaupun begitu, ia telah menjadi sejarah hitam yang paling pahit bagi negara-negara yang terlibat. Menurut En. Nasruddin Bin Mad Khir dari Jabatan Asia Timur, Universiti Malaya :

“ Pasukan Militeri Jepun mendapat sokongan moral sepenuhnya daripada penduduk Jepun sendiri yang menganggap penaklukan Jepun ke atas negara-negara Asia tenggara sebagai satu tanggungjawab untuk membebaskan negara-negara tersebut daripada kancalah penjajahan. Namun begitu, hakikat penaklukan amat memerlukan sifat yang ganas dan kejam. Lantas kerana itulah, tentera Jepun telah menggunakan kekerasan terhadap penduduk di Asia Tenggara bagi memastikan kejayaan misi mereka.”²⁶

Sebenarnya apa yang diketahui oleh masyarakat Jepun tentang pergerakan militerinya amat berbeza dengan matlamat sebenar yang telah dirancang. En. Nasrudin menyambung kenyataannya :

“ Justeru itu, sekumpulan anak muda Jepun yang belajar di Singapura telah membuat kajian tentang Perang Dunia Kedua pada tahun 1980-an amat terkejut dengan tindakan pasukan militeri Jepun yang begitu kejam ke atas penduduk tempatan.”

Melalui kenyataan tadi, dapatlah dijelaskan bahawa masyarakat Jepun sendiri tidak tahu tentang kekejaman yang telah dilakukan oleh pihak militerinya. Kerana itu jugalah, masyarakat Jepun amat bersedih dengan penamatan perang dunia kedua pada 15 Ogos 1945 kerana menganggap mereka gagal melaksanakan tanggungjawab untuk membebaskan negara-negara di timur dari penjajahan barat.

Bagi pemimpin-pemimpin perang pula telah menganggap, penyerahan kuasa Jepun semasa perang dunia kedua itu sebagai satu kegagalan bagi mereka dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap maharaja sehingga maharaja mereka terpaksa mengumumkan kekalahan Jepun. Ucapan Maharaja Jepun pada 15 Ogos 1945 :

"To our good and loyal subjects, after pondering deeply the General trends of the world and the actual conditions obtaining in our Empire today, we have decided to effect a settlement of the present situation by resorting to an extra ordinary measure [the acceptance of the postdam proclamation]"²⁷

Ucapan maharaja tersebut tidak menyebut tentang Jepun menyerah kalah tetapi sebaliknya menyatakan bahawa, "Jepun menerima Deklarasi Postdam" (penamatan perang). Keadaan ini memperlihatkan nilai harga diri yang tinggi orang Jepun yang seboleh-bolehnya dijaga agar tidak memalukan bangsa mereka.

Berkaitan dengan nilai harga diri tersebut, kebanyakan pemimpin perang Jepun telah membunuh diri dengan melakukan *hara kiri*. Contohnya Jeneral Anami. Mereka amat malu kerana tidak dapat melaksanakan tanggungjawab sehingga maharaja terpaksa mengumumkan tentang kekalahan Jepun.

2.5 Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan di atas, nyatakan bahawa era pemerintahan Meiji merupakan satu langkah awal Jepun ke arah sebuah negara yang moden. Perubahan yang dilaksanakan itu adalah hasil dari semangat *bushido* yang diwarisi oleh golongan samurai kelas rendah yang begitu setia kepada ketua. Dan kerana pengamalan prinsip seumpama itu jugalah telah mendorong mereka untuk mengembalikan kerajaan pusat kepada kuasa Maharaja sebagai ketua negara.

Segala pembaharuan dalam pentadbiran telah dilaksanakan oleh pihak atasan. Maka secara tidak langsung, perubahan yang terhasil adalah cetusan dari pemikiran pemimpin yang melaksanakannya. Di zaman Meiji, pemimpin atau oligarki Meiji yang melaksanakan perubahan itu pula adalah terdiri daripada mereka yang memiliki semangat *bushido*. Oleh itu secara tidak langsung, semangat tersebut menyerap ke dalam pentadbiran dan pembaharuan. Jelasnya kini, *bushido* yang diaplikasikan bukanlah dari bentuk asal sebagaimana penerapan ketika zaman keshogunan Tokugawa tetapi sebaliknya dalam bentuk yang baru iaitu sebagai satu semangat ataupun dikenali sebagai “*spirit of bushido*”.

Kerana semangat itulah maka, Jepun menjadi sebuah negara yang kuat dari segi ekonomi dan ketenteraan, kemudiannya mengheret Jepun ke kancang perang sehingga membolehkan Jepun mengamalkan dasar imperialism ke atas negara-negara di Timur.²⁸

Kemenangan yang dicapai dalam peperangan yang mereka tempuh juga adalah sesuatu yang luar biasa. Kemenangan tersebut adalah kerana pegangan yang kuat terhadap semangat *bushido*.

Nota hujung

-
- ¹ E. Herbert Norman, *Kemunculan Jepun sebagai Negara moden: Masalah Politik dan Ekonomi Zaman Meiji*, (Terj) Hj. Ismail Ahmad, Yayasan Penataran Ilmu, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 1
- ² Muhd. Yusof Ibrahim, *Jepun Selepas Meiji*, Utusan Melayu (M) Bhd., Kuala Lumpur, 1972, hlm. 1
- ³ Maswari Rosdi, *Sejarah China dan Jepun Moden 1800-1955*, Express Printers Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm. 89
- ⁴ Muhd. Yusof Ibrahim, Op. Cit., hlm. 3
- ⁵ Kod pentadbir Tokugawa yang mashur ialah hak *kiri-sute-gomen* iaitu samurai boleh membunuh orang biasa tanpa hukum balas. Sila rujuk J.H Gubbins, "The Hundred Articles and the Tokugawa government," dlm; *Transactions and Proceedings of the Japan Society*, London, Vol.XVII, 1918-1920, hlm. 156
- ⁶ G.B. Sansom, *Japan: A Short Cultural History*, New York, 1936, hlm 422-423
- ⁷ Orang kembara yang dimaksudkan adalah orang yang tidak mempunyai pekerjaan tetap. Lihat E. Herbert Norman, Op. Cit., hlm. 14
- ⁸ Ibid, hlm. 37
- ⁹ Takizawa Matsuya, *The Penetration of Money Economy in Japan*, New York, 1927, hlm 103
- ¹⁰ *Unjo* adalah sumbangan dalam bentuk kewangan dengan tujuan untuk membala budi.
- ¹¹ House of Mitsui, *A Record of Three Centuries*, Tokyo, 1937, hlm. 15
- ¹² Penjelasan tentang kenyataan oleh profesor Tsuchiya Takao diterangkan dalam buku oleh E. Herbert Norman, Op. Cit., hlm. 45
- ¹³ George Sansam, *A History of Japan 1615-1867*, The Corset Press, London, 1964, hlm. 178
- ¹⁴ Ketika golongan samurai hilang peranan semasa era keamanan zaman shogun Tokugawa, mereka telah menjadi golongan ronin iaitu orang kembara yang tinggal di bandar. Mereka telah menjadi peniaga dan mempelajari selok belok ilmu moden. Mereka juga telah mendapat banyak pendedahan tentang pemodenan barat. Justeru itu, golongan inilah yang kuat menentang kerajaan Tokogawa. Untuk keterangan lanjut sila rujuk E. Herbert Norman, Op. Cit., hlm. 51-55
- ¹⁵ Kenyataan oleh Aizawa Hakumin telah diterjemahkan oleh Hj. Ismail Ahmad yang dipetik dari buku oleh E. Herbert Norman, Op. Cit. Hlm. 45
- ¹⁶ Dr. M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, Arena Buku Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988, hlm. 61
- ¹⁷ Muhd. Yusof Ibrahim, Op. Cit., hlm. 6
- ¹⁸ Ibid, hlm. 7
- ¹⁹ M. Rajendran. Op.cit. 62
- ²⁰ Muhd. Yusof Ibrahim, Op. Cit., hlm. 1-7
- ²¹ Ibid, hlm. 18
- ²² Maswari Rosdi, *Sejarah China dan Jepun Moden 1800-1955*, Express Printers Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm. 97
- ²³ Richard Storry, *Sejarah Jepun Moden*, Dewan bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 84
- ²⁴ Takafuso Nakamura, *Pembangunan Ekonomi Negara Jepun Moden*, (terj) Dr. M. Rajendran, Kementerian Hal Ehwal Luar Negara, 1985, hlm 43
- ²⁵ G.C. Allen, *Ekonomi Negara Jepun*, (terj) Sulung Muhamad, Yayasan Penataran ilmu, Kuala Lumpur, 1989, hlm 18.
- ²⁶ Wawancara bersama dengan En Nasrudin Bin Md Khir di Jabatan Asia Timur, Universiti Malaya pada 28 April 2000, Jam 11.00 pagi.
- ²⁷ Stephen S. Large, *Emperor Hirohito and Showa Japan : A Political Biography*, Great Britain ; Routledge, 1992, hlm. 129
- ²⁸ Ibid, hlm. 22